

Sasar tanam 100 juta pokok hingga 2025

Harian Metro

23/12/2020 M/S 18

Putrajaya: Sebanyak 100 juta pokok bakal ditanam di negara ini menjelang 2025 bagi menjayakan Program Penghijauan Malaysia.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata, kempen diadakan bagi tempoh lima tahun bermula awal 2021 sehingga 2025 itu bertujuan menyebarkan kesedaran kepentingan memulihara kawasan hutan kepada masyarakat di negara ini.

Beliau berkata, kempen itu juga inisiatif kerajaan dalam menyedarkan orang ramai kepentingan hutan dalam usaha menangani isu perubahan iklim selain agen utama menyerap karbon.

Katanya, pemantauan perlaksanaan kempen ini akan menggunakan aplikasi Penghijauan Malaysia dan laman web khas www.100jutapokok.gov.my yang boleh diakses semua kementerian, jabatan dan orang awam.

"Kempen penanaman pokok diadakan serentak pada 5 Januari tahun depan di

seluruh negara. Pada tahun pertama, kami menyarankan penanaman 20 juta pokok," katanya pada sidang media Pra-Pelancaran Dan Pengenalan Logo Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025 di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan-nya, Ali Biju dan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli, Datuk Zurinah Pawanteh.

Kempen diterajui KeTSA melalui kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri mendapat persetujuan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-7 yang diadakan pada 8 September lalu.

Ia antara usaha kerajaan mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus dari pada keluasan tanah negara diliputi pokok-pokok dan kawasan hutan selaras dengan komitmen ketika Sidang Kemuncak Bumi di Rio De Janeiro pada 1992.



DARI kiri, Dr Shamsul Anuar, Zurinah dan Ali menunjukkan benih pokok herba pada Majlis Pra-Pelancaran Dan Pengenalan Logo Program Penghijauan Malaysia Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025, semalam.